


# JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Syariah Judiciary Department Malaysia



Blok C, Kompleks Islam Putrajaya, No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA, MALAYSIA

03-8870 9200

03-8870 9500

Keluaran Bil. 81 (Julai - Disember 2018)

## Lawatan YB Menteri di JPM ke JKSM



## Kunjungan Hormat Pelajar University Monash dan Promosi BSK di UTC Negeri Kelantan



# DARI KETUA PENGARANG

## 8 Prinsip Pemangkin Kecemerlangan

8 prinsip yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri yang perlu diikuti oleh penjawat awam untuk menambah baik lagi perkhidmatan kepada rakyat. Kelapan-lapan prinsip ini akan dapat meningkatkan lagi prestasi penjawat awam dalam meningkatkan produktiviti dan sumbangan penjawat awam ke arah pembangunan negara.

1. Berilmu – Penjawat awam hendaklah memastikan mereka sentiasa berilmu pengetahuan, kreatif, inovatif dan mampu menjadi ‘figura contoh’ kepada masyarakat.
2. Kebolehpercayaan – meliputi sifat jujur, amanah, integriti dan diyakini serta mempunyai nilai-nilai murni sejagat yang dipercayai oleh masyarakat.
3. Budaya Amalan Kerja Terbaik – amalan kerja terbaik adalah cerminan kewibawaan bagi penjawat awam. Penjawat awam harus bersungguh dan sentiasa serius dalam pekerjaan, fokus, disiplin, tepati masa dan mempunyai kemahiran serta kompetensi tinggi supaya dilihat sebagai suatu kumpulan yang dinamik, progresif dan berupaya mendepani keluk.
4. Semangat Patriotik – Penjawat awam harus mempunyai perasaan mencintai dan memiliki perjuangan patriotik memartabatkan negara.
5. Budaya keberhasilan yang berteraskan *outcome based* – budaya ini penting bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja yang bersandarkan kepada petunjuk prestasi utama (KPI) dalam menghasilkan prestasi kerja yang unggul dan cemerlang.
6. Budaya Kreativiti dan Inovasi – Penjawat awam perlu menampilkan pelaksanaan tugas yang lebih kreatif dan inovatif bagi menyahut cabaran untuk memenuhi jangkaan rakyat yang semakin bertambah kompleks, pelbagai dan sentiasa berubah.
7. Nilai Tambah dan Kompetensi – penjawat awam yang berkompetensi mempunyai nilai tambah yang tinggi.
8. Pemuafakatan Kerja – Penjawat awam harus meninggalkan amalan bekerja secara silo. Semua pihak perlu berurusan secara muafakat, saling berganding bahu dan bukannya bekerja dalam silo atau lohong masing-masing.

\*\*\*\*\* **Puan Hajjah Noor Hadina Ahmad Zabidi** \*\*\*\*\*

## RIDAKSI

Penaung/Penasihat  
YAA Dato' Haji Mukhyuddin bin Haji Ibrahim  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie

Ketua Pengarang  
Puan Noor Hadina binti Ahmad Zabidi  
Ketua Pendaftar

Sidang Pengarang  
Haznita binti Hamidon  
Mawardi bin Che Man  
Hj. Azmee bin Hj. Hussin

Edaran / Produksi  
Juhaida binti Omar  
Suhaimi bin Mohamed  
Khadijah binti Khalid

Jurufoto  
Isham Mudin bin Ahmad



# PERUTUSAN

YANG AMAT ARIF  
DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM  
KETUA HAKIM SYARIE / KETUA PENGARAH  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

*Assalamualaikum wrm. wbth*

Warga JKSM yang dikasihi sekalian.

Sesebuah organisasi itu ialah sebuah kumpulan yang terdiri daripada beberapa individu yang berada di dalamnya. Apabila setiap diri individu di dalam organisasi itu bekerja dengan usaha yang kuat dan gigih serta mantap dari segi intelek, fizikal dan rohani, maka organisasi itu akan menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang. Selain daripada itu, semua warga organisasi haruslah bertindak secara pro aktif di dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan..

Oleh itu, tidak kira apa jawatan atau tugas kita, yang penting ialah kita hendaklah sentiasa menjalankan tanggungjawab dengan profesional. Sekiranya kita sebagai ketua jabatan, maka tugas yang telah diamanahkan hendaklah dijalankan dengan profesional. Perkara penting di sini juga, ialah kita hendaklah menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan berkesan dan sentiasa menjalankan kerjasama secara berpasukan. Sekiranya keadaan ini berlaku, maka kecemerlangan sesebuah organisasi itu sudah pasti terserlah. Peningkatan keupayaan sumber manusia dengan membangunkan modal insan secara menyeluruh hendaklah dilakukan bagi membolehkan perkhidmatan awam terus relevan.

Untuk tujuan ini, usaha-usaha ke arah pembentukan “Penjawat Awam Berwibawa” hendaklah sentiasa ditekankan dan digalakkan dengan menekankan aspek intelektual, rohani dan jasmani.

Sekian, terima kasih.

**“BEKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“SYARIAH ASAS KEADILAN”**

**(YAA DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)**

**NAZIRAN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA, JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH  
MALAYSIA (JKSM) KE BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA SEKSYEN NEGERI  
SEMBILAN (BSKSNS)**

Khamis, Mei 31 2018

Seremban – Pelaksanaan Naziran di Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan telah dilaksanakan pada 31 Mei 2018 (Khamis). Antara objektif naziran diadakan adalah untuk memantau dan mengenalpasti kekuatan atau kelemahan serta mengukur tahap pencapaian dalam gerak kerja BSK Seksyen Negeri. Kaedah atau mekanisme yang digunakan adalah melalui pemeriksaan dan penilaian dokumen serta temubual.

Hasil dapatan daripada penemuan Naziran tersebut akan menjadi penanda aras dan kayu ukur dalam membantu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) untuk melaksanakan tugas-tugas penyelaras dengan mengambilkira kekuatan dan kelemahan yang ada untuk penambahbaikan bagi mengangkat imej Institusi Kehakiman Syariah setanding Institusi lain di Malaysia.

Pihak BSK JKSM merakamkan ucapan ribuan terima kasih atas kerjasama dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh pihak JKSN Negeri Sembilan khususnya BSK Seksyen Negeri Sembilan dalam menjayakan program ini.



## **LAWATAN KERJA BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM) KE PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)**

**Selasa, Jun 05 2018**

Kuala Lumpur- Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengadakan lawatan kerja ke Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia ( PERKIM) pada 5 Jun 2018 bersamaan 20 Ramadhan 1439H (Selasa) bertempat di Ibu Pejabat PERKIM, Kuala Lumpur.

Program ini diketuai oleh YAA Dato' Haji Mukhyuddin bin Ibrahim, Ketua Pengarah merangkap Ketua Hakim Syarie JKSM bersama Pengarah dan Pegawai BSK JKSM. Seterusnya, Tan Sri Dato' Sri Dr. Yusof bin Haji Md Noor, Setiausaha Agung Kehormat PERKIM telah mempengerusikan perbincangan mengenai kerjasama strategik antara BSK JKSM dengan PERKIM dalam perkongsian maklumat seperti perkhidmatan BSK serta penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah Mahkamah Syariah khususnya kepada saudara baru yang mempunyai masalah kekeluargaan.

Selain itu, pihak PERKIM juga bersetuju untuk mengadakan kerjasama dengan BSK dalam program-program yang melibatkan wanita dan sistem perundangan kekeluargaan Islam.

Adalah diharapkan menerusi program lawatan ini akan memperluaskan jalinan kerjasama yang lebih erat antara BSK JKSM dan PERKIM pada masa akan datang.



## PROGRAM PROMOSI JKSM DI UTC NEGERI SEMBILAN

Ahad, Jul 08 2018

Negeri Sembilan : Program Promosi serta Kaunter Informasi JKSM dengan kerjasama Bahagian Sokongan Keluarga ( BSK ) JKSN Sembilan telah diadakan selama 2 hari iaitu pada 8 dan 9 Julai 2018 ( Ahad – Isnin ) bertempat di Lobi utama Pusat Transformasi Bandar ( UTC ) N.Sembilan.

Program secara kolibrasi ini bertujuan untuk memberi maklumat mengenai Sistem Perundangan Kehakiman Syariah, perintah nafkah, BSK Transit serta khidmat nashiat daripada petugas-petugas yang terdiri daripada Pegawai dan kakitangan BSK JKSN Sembilan kepada orang awam disamping menerangkan peranan perkhidmatan yang ditawarkan oleh JKSM terutama Bahagian Sokongan Keluarga.

Sejajar dengan saranan kerajaan agar semua kementerian/jabatan /agensi kerajaan dan swasta saling bekerjasama erat dalam menyampaikan informasi dan dasar-dasar kerajaan secara efisien kepada masyarakat. Di samping itu, penyampaian maklumat juga dilaksanakan melalui pengedaran *flyers* kepada pengunjung.



## **MESUARAT KETUA-KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH SYARIAH SELURUH MALAYSIA KALI KE-69 BIL. 2 TAHUN 2018 PADA 9 HINGGA 10 JULAI 2018**

**Isnin, Jul 09 2018**

PUTRAJAYA: Mesuarat Ketua-Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Kali ke-69 Bil. 2/ 2018 telah diadakan dari 9 hingga 10 Julai 2018 di Blok C, Kompleks Islam Putrajaya, Aras 5, Bilik Mesuarat Utama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Mesuarat yang berlangsung selama 2 hari ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Hajah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi, Ketua Pendaftar JKSM dan dihadiri oleh Ketua-ketua Pendaftar dan wakil Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Ketua Unit, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berkaitan penyelesaian 80% kes perceraian melebihi dua tahun (2) tahun di JKSN/MSN di bawah KPI TIER 1 iaitu Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie dan juga di bawah KPI TIER 2 iaitu Ketua Pendaftar diteruskan. Oleh itu, kerjasama daripada semua Ketua-ketua Pendaftar amat diperlukan bagi memastikan KPI tersebut tercapai.

Mesuarat ini turut mendapatkan input pelaksanaan di Mahkamah Syariah Negeri-negeri berhubung tatacara (SOP) Permohonan Perkahwinan Bawah Umur dan isu perkahwinan bawah umur yang melibatkan seorang kanak-kanak berusia 11 tahun di Kelantan.

---

### **KUNJUNGAN HORMAT DARI MONASH UNIVERSITI AUSTRALIA Khamis, Ogos 09 2018**



Putrajaya - JKSM telah menerima Kunjungan Hormat dari Monash Universiti Australia yang disertai oleh seramai 20 orang pelajar yang diketuai oleh Pensyarah Fakulti Undang-undang (Monash Universiti) Dr. Nadirsyah Hosen PhD. Taklimat telah disampaikan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, YA Prof. Adjung Dato'Dr. Haji Mohd Na'im bin Mokhtar.

Program ini juga memberi kefahaman kepada para pelajar mengenai Sistem Perundangan Kehakiman Syariah di negara ini di samping menerangkan peranan serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh JKSM. Di samping itu, Program Mockcourt juga telah memberi gambaran serta pendedahan awal kepada para pelajar berkaitan perjalanan dan prosedur semasa perbicaraan di Mahkamah Syariah.



## **MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI JPM (AGAMA) BERSAMA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI-NEGERI DAN MAHKAMAH SYARIAH NEGERI-NEGERI.**

**Selasa, Jul 24 2018**

Putrajaya : Majlis Perjumpaan YB Dato' Dr.Mujahid bin Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan YB Puan Hajjah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri JPM ( Agama ) ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan dan taklimat daripada YAA Dato' Haji Mukhyuddin bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah merangkap Ketua Hakim Syarie JKSM.

Majlis ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya. Program ini turut dihadiri oleh YA Hakim-hakim Rayuan Syariah, Ketua-ketua Hakim Syarie Negeri,Pengarah-pengarah Kanan dan Ketua Unit Komunikasi Korporat JKSM.

Sesi Interaktif bersama YB Menteri dan YB Timbalan Menteri JPM telah membincangkan isu-isu berkaitan Perkahwinan kanak-kanak atau perkahwinan bawah umur serta isu-isu yang berkait dengan Kesejahteraan kanak-kanak dan Mahkamah Syariah di Malaysia.

Di samping itu, majlis perjumpaan ini turut berkongsi maklumat melalui slide taklimat yang disampaikan oleh Pengarah Kanan (Kehakiman) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.



0

## **NAZIRAN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM) KE BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA SEKSYEN NEGERI PAHANG (BSKSNP)**

### **Selasa, Ogs 28 2018**

KUANTAN – Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengadakan program Naziran di BSK Seksyen Negeri Pahang pada 28 Ogos 2018 (Selasa). Program tersebut telah disertai oleh beberapa orang pegawai dari BSK ibu pejabat yang diketuai oleh Puan Dr. Jazilah binti Mohd Saad@Mat Saud, Ketua Penolong Pengarah BSK JKSM. Program ini merupakan kali ketiga dilaksanakan selepas negeri Melaka dan Negeri Sembilan.

Objektif pelaksanaan program Naziran BSK Seksyen Negeri ini antaranya bertujuan untuk memantau, mengenalpasti kekuatan dan kelemahan serta mengukur tahap pencapaian dalam gerak kerja BSK Seksyen Negeri. Kaedah atau mekanisme yang digunakan adalah antaranya melalui pemeriksaan dan penilaian dokumen serta temubual.

Diharapkan agar dapatkan hasil penemuan Naziran ini dapat membantu BSK Seksyen Negeri dalam menilai kekuatan dan kelemahan mengikut penanda aras yang telah ditetapkan dan seterusnya meningkatkan usaha untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan dengan lebih berkesan.



## **PROGRAM PROMOSI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA DI UTC KELANTAN DAN UTC PAHANG**

### **Rabu, Ogos 29 2018**

Kuantan - Program Promosi serta Kaunter Informasi JKSM dengan kerjasama Bahagian Sokongan Keluarga JKSN Kelantan dan JKSN Pahang telah diadakan selama 2 hari iaitu pada 29 dan 30 Ogos 2018 bertempat di Lobi utama Pusat Transformasi Bandar UTC N.Kelantan dan Pusat Transformasi Bandar UTC Pahang pada 13 dan 14 September 2018.

Program secara kolibrasi ini bertujuan untuk memberi maklumat mengenai Sistem Perundangan Kehakiman Syariah, perintah nafkah, BSK Transit serta khidmat nasihat daripada petugas-petugas yang terdiri daripada Pegawai dan kakitangan BSK JKSN Kelantan dan Pahang kepada orang awam di samping menerangkan peranan perkhidmatan yang ditawarkan oleh JKSM terutama Bahagian Sokongan Keluarga.

Sejajar dengan saranan kerajaan agar semua kementerian/jabatan /agensi kerajaan dan swasta saling bekerjasama erat dalam menyampaikan informasi dan dasar-dasar kerajaan secara efisien kepada masyarakat. Di samping itu, penyampaian maklumat juga dilaksanakan melalui pengedaran *flyers* kepada pengunjung

**PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI SYARIAH  
SELURUH MALAYSIA KALI KE-17 TAHUN 2018**  
**Selasa, Oktober 23 2018**

PUTRAJAYA: Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2018 telah diadakan di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya pada 23 Oktober 2018. Persidangan kali ini berkonsepkan seminar sehari. Seramai 300 orang peserta menghadiri persidangan ini terdiri daripada Pegawai Syariah dari seluruh Malaysia.

Selaras dengan tema “Memperkasakan Kehakiman Syariah di Malaysia”. Pendekatan pengisian program menampilkan YBhg. Dato’ Dr. Abdul Basit bin Haji Abdul Rahman, Musyrif Pondok Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan dalam pembacaan kitab “Adab al-Qadhi Berdasarkan Hukum Syarak”. Di samping itu, persidangan diserikan dengan sesi forum bertajuk “Memartabatkan Pegawai Syariah Wanita di Mahkamah Syariah” yang diberisi oleh ahli panel terdiri daripada YAA Dato’ Sri Haji Rahman bin Md Yunos, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang, YBhg. Datuk Dr. Norhafizah binti Musa, Pensyarah Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur (Psikoterapi Dakwah dan Pembangunan Insan) dan Puan Hajah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi, Ketua Pendaftar JKSM selaku moderator.

Selanjutnya, perasmian penutupan persidangan ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama). YB Menteri juga turut menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Letter of Intent (LoI) bagi kerjasama akademik antara JKSM oleh YAA Dato’ Haji Mukhyuddin bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) diwakili oleh Yang Berbahagia Prof Dr. Abdul Rahim bin Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang diwakili oleh Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Khairul Azman bin Mohd Suhaimi, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum.



**PROGRAM PENYELIAAN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)  
KE BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA SEKSYEN NEGERI JOHOR (BSKSNJ)**

Rabu, Okt 31 2018

JOHOR BAHRU – Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengadakan program Penyeliaan di BSK Seksyen Negeri Johor pada 31 Oktober 2018 (Rabu). Program tersebut telah disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan sokongan dari BSK JKSM yang diketuai oleh Puan Zuraidah binti Ayob, Pengarah BSK JKSM. Terdahulu, program yang sama telah dilaksanakan di BSK Seksyen Negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang.

Objektif program Penyeliaan BSK Seksyen Negeri adalah seperti berikut :

- (i) Memantau dan menyemak tugas bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan dalam melaksanakan fungsi-fungsi utama Bahagian;
- (ii) Mengukur tahap pencapaian dalam gerak kerja ;
- (iii) Menyelaraskan tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah agar ia dapat dilaksanakan dengan tersusun dan berkesan selari dengan kehendak undang-undang dan Peraturan yang berkuatkuasa; dan
- (iv) Menambahbaik dan memperkuuhkan sistem pengurusan pentadbiran dan kualiti penyampaian perkhidmatan BSK Seksyen Negeri melalui tadbir urus terbaik (*good governance*).

Diharapkan agar dapatan hasil penemuan dalam sesi penyeliaan ini dapat membantu BSK Seksyen Negeri dalam menilai kekuatan dan kelemahan mengikut penanda aras yang telah ditetapkan dan seterusnya meningkatkan usaha untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan dengan lebih berkesan.



## **PERSIDANGAN KETUA-KETUA HAKIM SYARIE SELURUH MALAYSIA KALI KE-73 BIL.3/2018**

Isnin, Nov 12 2018

KOTA KINABALU, SABAH: Persidangan Ketua-ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke-73 Bil.3 Tahun 2018 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Perlis, Aras 2, Blok B, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Kota Kinabalu, Sabah. Persidangan yang dipengerusikan oleh YAA Dato' Haji Mukhyuddin Bin Ibrahim, Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie dihadiri oleh YAA Ketua-ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia.

Dua kertas telah dibentangkan dalam persidangan kali ini iaitu Laporan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan 2018 oleh Tuan Adam bin Tumiran, Pengarah Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod serta Laporan Status Kemajuan Pelaksanaan Projek Transformasi E-Syariah Versi 3 dibentangkan oleh Puan Rosnani binti Saion, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK).

